

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.33 (13)

Tarikh : 27 Februari 2015

**Ketua Pengarah
Kosmo**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN KOSMO BERTAJUK “ANAK RAYU BAPA KANDUNG PULANG”
BERTARIKH 20 FEBRUARI 2015 JUMAAT– M.S: 18**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Cik Siti Soleha yang tidak mempunyai sijil kelahiran.

3. Untuk makluman, JPN telah membuat lawatan ke rumah Cik Siti Soleha pada 17.02.2015. Hasil lawatan mendapati Cik Siti Soleha dilahirkan di Johor namun tiada bukti kelahiran dapat dikemukakan. Sehubungan dengan itu, pihak JPN memerlukan komitmen dan kerjasama bapa beliau untuk memberi keterangan mengenai kelahiran Cik Siti Soleha dan mengemukakan bukti kelahiran tersebut.

5. Turut dimaklumkan, wakil JPN telah memberi penerangan dan satu set borang daftar lewat kelahiran untuk dilengkapkan. Borang tersebut perlu dikemukakan bersama dokumen sokongan dan bukti kelahiran berlaku di Malaysia ke pejabat JPN berdekatan tempat tinggal beliau. Ini bagi membolehkan permohonan daftar lewat kelahiran diproses dan seterusnya dikeluarkan sijil kelahiran lewat sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang negara ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, beliau bolehlah menghubungi Pejabat Perkhidmatan Pelanggan di talian 03-8880 7077/7071/8206/7067 atau melalui emel ke pro@jpn.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)